

Salam Ramadan & Salam Aidilfitri daripada Pejabat Pendaftar

TERAS

BULETIN PEJABAT PENDAFTAR

Sesi
INDUKSI
LEMBAGA PENGARAH UTeM

Lawatan
Penanda Aras KESKA ke
Pejabat Pendaftar, UTeM

AUDIT KESEDIAAN
AUTONOMI UTeM

BERPUASA DI PERANTAUAN

TEAMWORK
MAKES the **Dream**
WORK



UTeM

ISI-KANDUNGAN

- 5** Induksi Lembaga Pengarah UTeM
- 19** Berpuasa di Perantauan
- 6** Audit Kesediaan Autonomi UTeM
- 22** Salam Aidilfitri
- 7** PERINTIS FKEKK
- 24** Ramadan Kini Datang lagi
- 10** Lawatan Penanda Aras KESKA
- 25** Inilah Masanya..
- 12** Panduan Penggunaan e-Perjawatan
- 26** Pertandingan Futsal Tertutup Pejabat Pendaftar
- 16** Pelaksanaan Audit Dalaman ISO 9001:2008
- 27** Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)
- 29** Kepentingan Mengemaskini Maklumat Peribadi dalam SMSM
- 31** Program Sehari Bersama Penaja SLAI
- 32** Senyumlah Duhai Diri
- 34** Taklimat Pekeliling Baharu
- 35** Coretan Aktiviti BKP's
- 36** Tamat Pengajian

SIDANG REDAKSI

Penangung
Datuk Hasan bin Sirun

Ketua Editor
Masdzarif bin Mahat

Editor
Norihan binti Abu Nawar
Muslina binti Zakaria

Sidang Redaksi
Azrina binti Alwi
Hazrin binti Kasim
Norsuria binti Azis
Faridah binti Ahmad
Noralisa binti Ramlee
Siti Salわah binti Ahmad
Muhammad Hazrul bin Md Esa

Penulis/Wartawan

Khusairi bin Ramli
Norsuria binti Azis
Faridah binti Ahmad
Musliha binti Zakaria
Sahhizam bin Maamin
Erdalia Erna binti Daud
Marsita binti Abu Bakar
Mohd Hairull bin Abdolah
Saiful Anuar bin Mohamad
Muhamad Hazrul bin Md Esa
Laila Zahidah binti A.Rahman
Nur Fazilah binti Mohd Kassim
Siti Rahimah binti Ab Rahaman
Mohd Shahrul Nizam bin Shukor
Wan Nazrul Shukri bin Kamarul Baharin

Pembaca Pruf

Rohayati binti Abdullah
Nurhayati binti Mohd Shariff

Jurugambar

Asri bin Abu
Nurulidayu binti Talib
Mohd Farid bin Supangi
Md Nor bin Mohamad Saleh

Perekabentuk

Ratnasaerah binti Azis



**Selamat Hari Raya Aidilfitri
Maaf Zahir & Batin**
Daripada kami:
Warga Sidang Redaksi

*Surah Al Mulk, Ayat 12 ~ 14:
Sesungguhnya orang-orang yang takut
(melanggar hukum) Tuhananya semasa
mereka tidak dilihat orang dan semasa
mereka tidak melihat azab Tuhan,
mereka beroleh keampunan dan pahala
yang besar.*

*Dan rahkanlah perkataanmu atau
nyatakanlah. Sungguh Dia Maha
Mengetahui segala isi hati. (sama
saaja keadaannya kepada Allah),
kerana sesungguhnya Allah Maha
Mengetahui akan segala (isi hati) yang
terkandung di dalam dada.*

*Tidakkah Allah yang menciptakan
sekalian makhluk itu mengetahui
(segala-galanya)? Sedang Dia Maha
Halus urusan PentadbiranNya, lagi
Maha Mendalam PengetahuanNya!*

Segala Puji Bagi Allah, Rabb Sekalian Alam.
Tuhan Maha Tinggi Dan Maha Perkasa.

Selawat Dan Salam Kepada Nabi Muhammad
SAW, Pembawa Rahmat Ke Seluruh Alam.

Assallammualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh Dan Selamat Sejahtera
Kepada Semua Warga Universiti Serta
Pembaca Buletin TERAS.

Salam Keberkatan Ramadan 1435H.

Ramadhan yang dirindui tiba lagi, bulan
gandaan ibadah dan bulan keberkatan
pada semua umat Islam.

Syukur Alhamdulillah, dengan Rahmat dan
izinNya, Sidang Redaksi telah berjaya mener-
bitkan keluaran ke-20 Buletin TERAS Pejabat


Pendaftar yang menyajikan beberapa
perkara mengenai bulan Ramadhan untuk
dikongsi bersama para pembaca setia kami.

Surah Al Baqarah – Ayat 183

Wahai mereka yang beriman, diwajibkan atas
kamu berpuasa seperti yang diwajibkan ke atas
mereka yang sebelum dari kamu, mudah-
mudahan dengan berpuasa itu kamu akan
terpelihara dan bertaqa

Telah datang bulan Ramadan, bulan yang
penuh keberkatan yang Allah wajibkan puasa di
dalamnya, di bulan ini dibuka pintu syurga dan
ditutup pintu neraka”

(Hadis Riwayat Imam Ahmad)



Pada kali ini, Editorial ingin memfokuskan serba ringkas berkenaan kepentingan merebut peluang beribadah di bulan Ramadhan. Ramadhan datang dan Ramadhan pergi, namun pernahkah kita berosal jawab dengan diri sendiri bahawa apakah

peningkatan/perbezaan Ramadhan ini dengan tahun yang lepas. Pernahkah kita berazam dengan sesungguh hati untuk menjadikan Ramadhan ini adalah Ramadhan yang terbaik.

Adakah perlu kita fikirkan...ini mungkin Ramadhan yang terakhir untuk kita? Ya! Kerana kematian itu adalah pasti!

Ayuh...Marilah kita sama-sama merangka mindset kita untuk memperoleh keberkatan pada bulan yang penuh barakah ini seperti kita perlu tahu apakah yang kita mahukan dengan

Ramadhan kali ini? Apa mesti dibuat? Apa mesti dihindari? Apa tindakan penambahbaikan? Yakinlah dengan Yang Maha Esa, setelah kita membuat persediaan awal mental dan fizikal, menambah pembacaan, merangka pelan tindakan dan mengikut aturan yang dirangka, pasti jalan yang diredhui Allah akan kita ikuti dengan penuh keyakinan untuk meraih taqwanya.

Contoh Checklist-

- Tadabur dengan Al-Quran
- Tilawah waktu senggang
- Terawih di masjid/rumah
- Selalu bersedekah
- Qiamulail mula jam 4.00 pagi
- Mesti solat sunat Ba'diyah/Qobliyah
- Ziarah (silaturahmi) jiran tetangga
- Membaca Mathurat pagi dan petang
- Tambah istighfar/zikir masa bekerja
- Tidak menonton/mendengar rancangan tv/radio yang melalaikan

Antara intipati Ramadhan yang hendak dikongsi bersama para pembaca sekalian adalah matlamat utama Ramadhan iaitu TAQWA. Empat hakikat taqwa adalah untuk melahirkan jiwa yang takutkan Allah, Qanaah (berpada-pada) iaitu merasa cukup dengan yang sedikit, beramal dengan Al Quran dan kesediaan untuk bertemu denganNya.

Jaya atau tidak? Lihat diri kita apabila selesainya Ramadhan ini, natijahnya ada tiga kumpulan melalui Ramadhan dan memperoleh natijah daripada bulan tersebut iaitu:

Pertama: Insan yang tidak berubah langsung

Kedua: Insan yang semakin baik dari sebelumnya

Ketiga: Insan yang semakin buruk dari sebelumnya.

Dimana kita? Kumpulan pertama? Kedua? atau ketiga?

Kejayaan 'madrasah' Ramadhan dalam tempoh sebulan itu pastinya cukup untuk mendidik dan menjayakan diri kita agar menjadi insan yang sentiasa membaiki diri, istiqomah dan sering bermujahadah demi untuk meletakkan diri ke arah haluan taqwa.

Di samping itu, keluaran ke-20 Buletin TERAS Pejabat Pendaftar turut dipadatkan dengan isu-isu semasa pentadbiran dan perkhidmatan Universiti seperti Panduan Penggunaan e-perjawatan yang berfungsi menguruskan proses permohonan calon secara online sehingga ke proses calon lapor diri bertugas dan penerangan berkenaan kepentingan mengemaskini maklumat peribadi dalam SMSM. Selain itu, diuar-uarkan juga kejayaan berlangsungnya Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Anugerah Sanjungan Universiti bagi Tahun 2013. Artikel berkenaan Audit Kesediaan Autonomi UTeM juga turut dimuatkan berikutnya ia adalah penting untuk menjelaskan berkenaan tahap kesediaan UTeM sebagai sebuah Universiti berautonomi.

Menjadi harapan kami untuk mendapatkan sebarang komen atau cadangan penambahbaikan Buletin Teras daripada semua pembaca.

Selamat membaca dan selamat beramal soleh di Ramadhan 1435H!

Wassalam,

Masdzarif bin Hj. Mahal

The image shows the front cover of a magazine or booklet. At the top left is a green diamond-shaped logo with the word 'info'. Below it, the title 'Sesi INDUKSI LEMBAGA PENGARAH UTeM' is written in large, bold, black and red letters. To the right of the title is a circular portrait of a man in a suit and glasses. Below the title, it says 'Oleh: Wan Nazrul Shukri bin Kamarul Baharin'. The central part of the cover features a photograph of a formal meeting in a conference room with several people seated around a long table.

Sesi Induksi Lembaga Pengarah Universiti telah diadakan pada 6 Jun 2014 yang bertujuan untuk memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai sistem pentadbiran Universiti secara umumnya kepada Ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU) yang baru dilantik.

Penganjuran sulung sesi induksi ini memperlihatkan kehadiran tiga orang Ahli LPU yang baru dilantik iaitu:

- i. YBrs. Dr. Aris bin Kasan (dilantik pada 1 Oktober 2013);
- ii. YBrs. Pn. Kholiah binti Ismail (dilantik pada 1 Oktober 2013); and
- iii. YBrs. En. Zali bin Mat Yasin (dilantik pada 1 Januari 2014).

Sesi Induksi ini telah dimulakan dengan aluan pembukaan dari YBhg. Prof. Dr. Shahrin bin Sahib @ Sahibuddin, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) (kini Naib Canselor UTeM) dan disusuli dengan tayang video korporat UTeM. Sesi ini seterusnya diteruskan dengan penerangan ringkas berkenaan Governan Universiti yang memperjelaskan struktur dan fungsi governan universiti yang terdiri daripada Canselor, Pro-Canselor dan Lembaga Pengarah Universiti. Penerangan ini telah disampaikan oleh YBhg. Datuk Hasan bin Sirun, Pendaftar UTeM.

Selain itu, Ahli Lembaga Pengarah Universiti juga telah dimaklumkan berkenaan aktiviti dan peranan anak syarikat Universiti yang disampaikan oleh Encik Zahiful Azwan bin Zakaria, Pengurus, UTeM Holdings Sdn. Bhd.

Sesi yang berlangsung selama dua jam ini juga turut diselitkan dengan perbincangan dua hala antara pihak Pengurusan Universiti dan Ahli Lembaga Pengarah mengenai perkongsian idea dalam pembentukan jati diri dan kemajuan para pelajar Universiti selaras dengan keperluan industri dan masyarakat.

Di kesempatan itu juga, Ahli Lembaga Pengarah Universiti telah dibawa melawat ke

Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK), Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) dan Kolej Kediaman Lestari. Kehadiran ahli LPU di kedua-dua buah fakulti tersebut telah disambut mesra oleh Dekan FTMK iaitu Profesor Madya Dr. Mohd Khanapi bin Abd Ghani, Dekan FKP, Profesor Madya Dr. Mohd Rizal bin Salleh. Selain itu, Ahli LPU turut berpeluang melawat pembangunan infrastruktur Klinik Pelajar UTeM yang baharu. Lawatan yang berakhir sekitar jam 12.15 tengah hari ini seterusnya telah dilengkapkan dengan jamuan makan tengah hari bertempat di Lounge Staf.





Oleh: Mohd Hairull bin Abdolah

AUDIT KESEDIAAN AUTONOMI UTeM



Ketua Projek Audit pada kali ini ialah, En. Ab. Rahim bin Yusoff, manakala Ketua Auditor oleh Dr. Ida binti Md. Yassin bersama 11 Auditor, 3 pakar rujuk, 1 sekretariat MPC, dan 2 wakil Kementerian Pengajian Tinggi.

Autonomi membawa maksud penurunan kuasa daripada agensi pusat dan pihak Kementerian kepada Lembaga Pengarah Universiti (LPU) dalam menentukan sesuatu keputusan dengan matlamat membolehkan IPTA bergerak secara berkesan demi mencapai agenda kecemerlangan.

Pada tahun 2014, sebanyak satu (1) Universiti Komprehensif dan empat (4) Universiti Berfokus telah diaudit oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC). Senarai universiti-universiti yang diaudit adalah seperti berikut:-

Universiti Komprehensif

- Universiti Teknologi Mara (UiTM)

Universiti Berfokus

- Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
- Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
- Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
- Universiti Tun Husein Onn Malaysia (UTHM)

Sehubungan dengan itu, pada 14-16 May 2014 Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menjalani Audit Kesediaan Autonomi oleh (MPC).

Program PERINTIS

MENERAJUI PERUBAHAN



Oleh: Suhrizam bin Maamin

FKEKK



Audit Kesediaan Autonomi ini, telah melihat 4 bidang utama iaitu Tadbir Urus Institusi, Kewangan, Sumber Manusia dan Tadbir Urus Akademik yang telah dilaksanakan di UTeM. Bagi mengukur tahap kesediaan UTeM menjadi sebuah universiti berautonomi, *Code of University Good Governance* (CUGG) dan *University Good Governance Index* (UGCI) diguna pakai sebagai Instrumen penilaian didalam audit pada kali ini. Hasil daripada Audit Kesediaan Autonomi ini, 3 perkara diberi penekanan oleh MPC iaitu Amalan Terbaik, Pengukuhan dan Syor. Keputusan bagi Universiti yang berjaya mendapat Autonomi akan dimaklumkan oleh Menteri kelak.



PENDAHULUAN

Program PERiNTiS Siri 3/2013 telah diadakan di Bengkel Kokurikulum PBPI & Pusat Komputer Kampus Induk UTeM pada 16-18 Mei 2014 melibatkan seramai 122 orang peserta dari Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer (FKEKK). Program selama 3 hari 2 malam ini diadakan bagi memupuk semangat kerjasama berpasukan dan menterjemahkan secara langsung kepada peserta langkah-langkah strategik yang perlu diambil bagi menuju keunggulan Universiti.

PELAKSANAAN PROGRAM

1. Hari Pertama

Pada hari pertama, peserta mendaftar masuk ke tapak program pada jam 5.00 petang, selepas taklimat diberikan, acara BBQ diadakan. Pada sebelah malam, selepas solat Magrib & Isyak secara berjemaah, sesi Perasmian dan Ucaptama disempurnakan oleh Yg. Berbahagia Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan, Naib Canselor UTeM. Fasilitator program kemudiannya membuat sesi ‘ice breaking’ dan pembahagian kumpulan.

2. Hari Kedua

Selepas solat subuh berjemaah, para peserta ditempatkan di Dewan Siber, Pusat Komputer untuk modul Menggilap Kecemerlangan Universiti. Pada sesi ini, para peserta diajak untuk berfikir di luar kotak melalui sesi My Inno dan Lateral Thinking. Secara berkumpulan mereka merancang projek-projek inisiatif yang unik untuk dibentangkan kepada YBhg. Datuk Naib Canselor. Antara projek yang dibentangkan ialah R. Lab, Bilik Santai Staf, Solar Water LightBulb, Multi Purpose Hall, Remote Lab, Makmal Pintar, FKEKK Electrical Research Network dan Integrated Cafe.


3. Hari Ketiga

Hari terakhir program dimulakan dengan solat subuh berjemaah, selepas itu program *Eco-Escapade* dilaksanakan. *Eco escapade* ialah aktiviti bina pasukan yang menggabungkan elemen ketahanan fizikal dan mental dalam menjayakannya. Terdapat enam (60) *Check point* yang perlu dilalui oleh setiap kumpulan iaitu:

- Check Point 1 – Flying Fox*
- Check Point 2 – Treasure Hunt*
- Check point 3 – Search n Rescue*
- Check point 4 – Traffic Jam*
- Check point 5 – Management Game*
- Check point 6 – High Element Wall Climbing*



Ketika dalam perjalanan peserta dikehendaki memasak menggunakan peralatan dan bekalan yang telah dibekalkan, di samping itu mereka juga akan melaksanakan solat zuhur berjemaah bersama ahli kumpulan.



Program *Eco Escapade* ini tamat pada jam 4.30 petang, selepas solat Asar semua peserta telah dibenarkan pulang. Secara keseluruhanya program ini telah dilaksanakan dengan jayanya, Jutaan terima kasih diucapkan kepada Ahli Panel Perintis, Ketua Fasilitator, Barisan Fasilitator, Pembantu Fasilitator, Urus setia, Crew tali tinggi juga Crew Multimedia yang bertungkus-lumus menjayakan program ini. Kepada Warga Kerja FKEKK ternyata anda pasukan yang hebat dan mampu menyahut cabaran supaya sentiasa merintis sentiasa menerajui. UTeM **Always Ahead Always A Pioneer.**



Lawatan Penanda Aras Kesatuan Kakitangan Universiti Utara Malaysia (KESKA) ke Pejabat Pendaftar, UTeM



Oleh: Wan Nazrul Shukri bin Kamarul Baharin



Seramai 37 orang ahli Kesatuan Kakitangan Universiti Utara Malaysia (KESKA) telah membuat lawatan penanda aras ke Pejabat Pendaftar, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) pada 20 Jun 2014.

Rombongan ini telah diketuai oleh Presiden KESKA Y.M Tuan Haji Ku Azmi Ku Ibrahim. Kehadiran KESKA telah disambut mesra oleh Timbalan Pendaftar Kanan, Encik Masdzarif bin Mahat dan Ketua Bahagian-Ketua Bahagian di Pejabat Pendaftar.

Lawatan telah dimulakan dengan ucapan aluan yang disampaikan oleh Encik Masdzarif bin Mahat, Timbalan Pendaftar Kanan, Pejabat Pendaftar dan diikuti dengan ucapan balas oleh Presiden KESKA Y.M Tuan Haji Ku Azmi Ku Ibrahim. Dalam ucapan aluan tersebut Encik Masdzarif bin Mahat, telah menyatakan rasa berbesar hati dengan kehadiran KESKA ini yang dilihat dapat mengeratkan lagi hubungan antara dua buah Universiti. Beliau turut berharap agar dengan adanya lawatan seperti ini sebagai platform perkongsian maklumat antara dua buah universiti.

Turut hadir pada lawatan ini adalah Encik Jamal Abd Nasir bin Abd Wahab, Presiden Kesatuan Kakitangan Am, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (KEKUTeM).



Ahli KESKA pada lawatan ini turut berpeluang melawat sekitar Kampus Induk, UTeM bagi mendapatkan pandangan yang lebih dekat perkembangan dan pembangunan semasa Kampus Induk, UTeM. Lawatan telah diakhiri dengan sesi penyampaian cenderahati oleh kedua-dua universiti.

Panduan Penggunaan e-Perjawatan

PANDUAN PENGGUNAAN SISTEM e-PERJAWATAN BAGI TUJUAN PENGAMBILAN STAF PENTADBIRAN SECARA ONLINE KE UNIVERSITI TEKNIKAL Malaysia MELAKA

Selaras dengan usaha Universiti ke arah mentransformasi perkhidmatan budaya kerja berprestasi tinggi dan kompeten dalam pelbagai bidang ilmu, Universiti perlu sentiasa peka dengan tuntutan penggunaan teknologi dan komunikasi dalam tadbir urus Universiti bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kepada pengguna adalah cepat, tepat, mesra pelanggan dan boleh dicapai dengan mudah.

Unit Perjawatan Pentadbiran dengan kerjasama Pusat Komputer sentiasa membuat penambahbaikan secara berterusan pada sistem e-perjawatan mengikut keperluan semasa Universiti yang berfungsi menguruskan proses permohonan calon secara online sehingga kepada proses calon tersebut lapor diri bertugas.



Oleh: Nur Fazilah binti Mohd Kassim

PANDUAN PENGGUNAAN SISTEM e-PERJAWATAN (SARINGAN PTJ) BAGI TUJUAN PEMILIHAN CALON KE PERINGKAT UJIAN/TEMUDUGA

Submodul saringan ini akan digunakan khususnya oleh Ketua Pusat Tanggungjawab yang merupakan pengguna sistem dalam membuat pemilihan calon yang memohon jawatan secara online ke peringkat ujian / temu duga. Selaras dengan beberapa penambahbaikan berterusan yang dilakukan pada sub modul ini, berikut merupakan panduan yang boleh dijadikan rujukan kepada pengguna sistem dalam menggunakan sistem ini untuk membuat pemilihan calon:

Selamat Datang Ke

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

SISTEM MAKLUMAT SUMBER MANUSIA (SMSM)

Portal SMSM Submodul e-perjawatan Saringan PTj

PERIBADI
PERJAWATAN
ROC
PENILAIAN
SKT
PERGERAKAN STAF
CUTI BELAJAR
PERAKAM WAKTU
LATIHAN
CUTI
KLINIK & RAWATAN
E-PERJAWATAN
Saringan PTJ
Daftar Temuduga
Panel Temuduga
Ketua Panel
Saringan Uruselia
Penelitian Emolument
CPD

SARINGAN PTJ
PTJ : 02 - PEJABAT PENDAFTAR

1. Sesi Iklan: 24/03/2014 - Bukan Akademik
2. Gred/Jawatan: N17 - PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI)
3. Tapisan:
 Pilihan Jawatan: Sila Pilih
 Negeri: Sila Pilih
 Jantina: Sila Pilih
 Bidang: Sila Pilih
 CGPA: Sila Pilih
 antara: Sila Pilih
 4. Isian:
Sila Pilih
 NAMA
NO. KP
CGPA
BIDANG
KELULUSAN TERTINGGI:
JANTINA
NEGERI
UMUR
PILIHAN

SENARAI BORANG/ CALON UNTUK JAWATAN - PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) YANG BELUM DISARING

Carian Baru **Paper**

SARINGAN PTJ
PTJ : 02 - PEJABAT PENDAFTAR

1. Sesi Iklan: 24/03/2014 - Bukan Akademik
2. Gred/Jawatan: N17 - PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI)
3. Tapisan:
 Pilihan Jawatan: Sila Pilih
 Negeri: MELAKA
 Jantina: PEREMPUAN
 Bidang: Sila Pilih
 CGPA: Sila Pilih
 antara: Sila Pilih
 4. Isian: NAMA

SENARAI BORANG/ CALON UNTUK JAWATAN - PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) YANG BELUM DISARING

No	Nama	No Kad Pengenalan	Umur	Status Di UTem	Negeri	Pilihan	Kep.BM(SPM)	CGPA	Kelulusan Tertinggi	Bidang	OKU	Pesara
1	NUR FITRI BTE AHMAD	890522016202	25	Bukan Staf	MELAKA	2	KEPUJIAN	SC/MCE/SPM/SPMV	-	TIDAK	TIDAK	
2	NOOR HIDAYAH BINTI ALI	820506085368	32	Bukan Staf	MELAKA	1	KEPUJIAN	SC/MCE/SPM/SPMV	-	TIDAK	TIDAK	
3	ADANY BINTI IBRAHIM	861216465400	28	Bukan Staf	MELAKA	2	KEPUJIAN	2.58	DIPLOMA	KEJURUTERAAN ELEKTRONIK	TIDAK	TIDAK
4	ADIBAH BT MOHAMAD ALI	881104045099	26	Bukan Staf	MELAKA	2	CEMERLANG	2.69	DIPLOMA	KEJURUTERAAN AWAM	TIDAK	TIDAK
5	ADIDAH BINTI SAHARUDIN	921023086246	22	Bukan Staf	MELAKA	1	CEMERLANG TINGGI	3	DIPLOMA	KEWANGAN DAN BANK	TIDAK	TIDAK
6	ADRA BINTI TAIB	921119045262	22	Bukan Staf	MELAKA	2	CEMERLANG	3.49	DIPLOMA	ACCOUNTING FOUNDATION COURSE/P	TIDAK	TIDAK

* Jumlah Calon: 1374 * Jumlah Keseluruhan: 4794

Nama calon, jumlah calon yang belum disaring dan jumlah keseluruhan calon akan dipaparkan

Selamat Datang Ke Sistem Maklumat Sumber Manusia - Internet Explorer
http://portal.utem.edu.my/ISMSM/usr_frame.asp?usrptid=NUR%20FAZILAH%20BINTI%20MOHD%20KASSIM&page=1

SARINGAN PTJ
PTJ : 02 - PEJABAT PENDAFTAR

1. Sesi Iklan 24/03/2014 - Bukan Akademik
 2. Gred / Jawatan N17 - PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERA)
 3. Tapisan
 Pilihan Jawatan Sda Pihak
 Negeri 04 - MELAKA
 Jantina P - PEREMPUAN
 Bidang Sda Pihak
 CGPA antara

4. Isian NAMA

SENAARI BORANG/ CALON UNTUK JAWATAN - PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) YANG BELUM DISARING

No	No Kad Pengenalan	Umar	Staf	Status Di UTEm	Negeri	Pilihan	Kep/BM/SPM	GPA	Kelelusen Terhingga	Bidang	OKU	Pisara
1	NUR FITRI BT AHMAD	25	Bukan Staf	-	MELAKA	2	KEPUTIAN	SC/MCE/SPM/SPMV	-	TIDAK	TIDAK	
2	*NOOR HIDAYAH BINTI ALI	32	Bukan Staf	-	MELAKA	1	KEPUTIAN	SC/MCE/SPM/SPMV	-	TIDAK	TIDAK	
3	ADANY BINTI IBRAHIM	28	Bukan Staf	-	MELAKA	2	KEPUTIAN	2.58	DIPLOMA	KEJURUTERAAN ELEKTRONIK	TIDAK	TIDAK
4	ADIBAH BT MOHAMAD ALI	26	Bukan Staf	-	MELAKA	2	CEMERLANG	2.69	DIPLOMA	KEJURUTERAAN AWAM	TIDAK	TIDAK
5	ADIDAH BINTI SAHARUDIN	22	Bukan Staf	-	MELAKA	1	CEMERLANG TINGGI	3	DIPLOMA	KEWANGAN DAN BANK	TIDAK	TIDAK
6	ADRA BINTI TAIB	22	Bukan Staf	-	MELAKA	2	CEMERLANG	3.49	DIPLOMA	ACCOUNTING FOUNDATION	TIDAK	TIDAK
* Jumlah Calon : 1374 * Jumlah Keseluruhan : 4791												

Nama ADIBAH BT MOHAMAD ALI
 IdMohon 83739 SKM(TIDA SKM)
 BMI 19.07

SENAARI CALON

No	Nama	No Kad Pengenalan	Umar	Staf	Status Di UTEm	Negeri	Pilihan	Kep/BM/SPM	GPA	Kelelusen Terhingga	Bidang	OKU	Pisara
1	AHMAD SHRAZI BIN YUSOFF	890523016202	25	Bukan Staf	-	MELAKA	2	KEPUTIAN	SC/MCE/SPM/SPMV	-	TIDAK	TIDAK	
2	*NOOR HIDAYAH BINTI ALI	820506085368	32	Bukan Staf	-	MELAKA	1	KEPUTIAN	SC/MCE/SPM/SPMV	-	TIDAK	TIDAK	
3	ADANY BINTI IBRAHIM	861216465400	28	Bukan Staf	-	MELAKA	2	KEPUTIAN	2.58	DIPLOMA	KEJURUTERAAN ELEKTRONIK	TIDAK	TIDAK
4	ADIBAH BT MOHAMAD ALI	881104045098	26	Bukan Staf	-	MELAKA	2	CEMERLANG	2.69	DIPLOMA	KEJURUTERAAN AWAM	TIDAK	TIDAK
5	ADIDAH BINTI SAHARUDIN	921023086246	22	Bukan Staf	-	MELAKA	1	CEMERLANG TINGGI	3	DIPLOMA	KEWANGAN DAN BANK	TIDAK	TIDAK
6	ADRA BINTI TAIB	921119045262	22	Bukan Staf	-	MELAKA	2	CEMERLANG	3.49	DIPLOMA	ACCOUNTING FOUNDATION	TIDAK	TIDAK
* Jumlah Calon : 1374 * Jumlah Keseluruhan : 4791													

Klik pada nama calon

Klik pada maklumat calon

Maklumat calon untuk melihat kelulusan akademik, kelulusan tertinggi, pengalaman kerja, kegiatan luar dan sijil akademik yang telah diupload

Selamat Datang Ke Sistem Maklumat Sumber Manusia - Internet Explorer
http://portal.utem.edu.my/ISMSM/usr_frame.asp?usrptid=NUR%20FAZILAH%20BINTI%20MOHD%20KASSIM&page=1

SARINGAN PTJ
PTJ : 02 - PEJABAT PENDAFTAR

1. Sesi Iklan 24/03/2014 - Bukan Akademik
 2. Gred / Jawatan N17 - PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERA)
 3. Tapisan
 Pilihan Jawatan Sda Pihak
 Negeri 04 - MELAKA
 Jantina P - PEREMPUAN
 Bidang Sda Pihak
 CGPA antara

4. Isian NAMA

SENAARI BORANG/ CALON UNTUK JAWATAN - PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) YANG BELUM DISARING

No	No Kad Pengenalan	Umar	Staf	Status Di UTEm	Negeri	Pilihan	Kep/BM/SPM	GPA	Kelelusen Terhingga	Bidang	OKU	Pisara
1	NUR FITRI BT AHMAD	25	Bukan Staf	-	MELAKA	2	KEPUTIAN	SC/MCE/SPM/SPMV	-	TIDAK	TIDAK	
2	*NOOR HIDAYAH BINTI ALI	32	Bukan Staf	-	MELAKA	1	KEPUTIAN	SC/MCE/SPM/SPMV	-	TIDAK	TIDAK	
3	ADANY BINTI IBRAHIM	28	Bukan Staf	-	MELAKA	2	KEPUTIAN	2.58	DIPLOMA	KEJURUTERAAN ELEKTRONIK	TIDAK	TIDAK
4	ADIBAH BT MOHAMAD ALI	26	Bukan Staf	-	MELAKA	2	CEMERLANG	2.69	DIPLOMA	KEJURUTERAAN AWAM	TIDAK	TIDAK
5	ADIDAH BINTI SAHARUDIN	22	Bukan Staf	-	MELAKA	1	CEMERLANG TINGGI	3	DIPLOMA	KEWANGAN DAN BANK	TIDAK	TIDAK
6	ADRA BINTI TAIB	22	Bukan Staf	-	MELAKA	2	CEMERLANG	3.49	DIPLOMA	ACCOUNTING FOUNDATION	TIDAK	TIDAK
* Jumlah Calon : 1374 * Jumlah Keseluruhan : 4791												

Nama ADIBAH BT MOHAMAD ALI
 IdMohn 83739 SKM(TIDA SKM)
 BMI 19.07

SENAARI CALON YANG TELAH DISARING OLEH PTJ BAGI SESI 14 - JAWATAN PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI)

No	No Kad Pengenalan	Staf	Status Di UTEm	Pilihan	Status Permohonan	PTJ	Dikemasuk Oleh :
1	890523016202	Bukan Staf	-	1	SOKONG	PEJ. PENDAFTAR	01631 - IWAN BIN MOHAMAD
2	820506085368	Bukan Staf	-	2	SOKONG	PEJ. PENDAFTAR	0263 - MOHD AZMI BIN MAT SAID
3	861216465400	Bukan Staf	-	1	SOKONG	PEJ. PENDAFTAR	01631 - IWAN BIN MOHAMAD
4	881104045098	Bukan Staf	-	2	SOKONG	PEJ. PENDAFTAR	01631 - IWAN BIN MOHAMAD
5	921023086246	Bukan Staf	-	1	SOKONG	PEJ. PENDAFTAR	01631 - IWAN BIN MOHAMAD
6	921119045262	Bukan Staf	-	2	SOKONG	PEJ. PENDAFTAR	01631 - IWAN BIN MOHAMAD
* Jumlah Calon : 29 * Jumlah Calon Yang Telah Disokong : 22 * Double Click Untuk Kemasukan							

Sekiranya calon memenuhi kriteria PTj, klik SOKONG dan SIMPAN

Nama staf yang disokong akan turut dipaparkan di ruangan senarai calon yang telah disaring

Selamat Datang Ke Sistem Maklumat Sumber Manusia - Internet Explorer
http://portal.utem.edu.my/ISMSM/usr_frame.asp?usrptid=NUR%20FAZILAH%20BINTI%20MOHD%20KASSIM&page=1

SARINGAN PTJ
PTJ : 02 - PEJABAT PENDAFTAR

1. Sesi Iklan 24/03/2014 - Bukan Akademik
 2. Gred / Jawatan N17 - PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERA)
 3. Tapisan
 Pilihan Jawatan Sda Pihak
 Negeri 04 - MELAKA
 Jantina P - PEREMPUAN
 Bidang Sda Pihak
 CGPA antara

4. Isian NAMA

SENAARI BORANG/ CALON UNTUK JAWATAN - PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) YANG BELUM DISARING

No	No Kad Pengenalan	Umar	Staf	Status Di UTEm	Negeri	Pilihan	Kep/BM/SPM	GPA	Kelelusen Terhingga	Bidang	OKU	Pisara
1	NUR FITRI BT AHMAD	25	Bukan Staf	-	MELAKA	2	KEPUTIAN	SC/MCE/SPM/SPMV	-	TIDAK	TIDAK	
2	*NOOR HIDAYAH BINTI ALI	32	Bukan Staf	-	MELAKA	1	KEPUTIAN	SC/MCE/SPM/SPMV	-	TIDAK	TIDAK	
3	ADANY BINTI IBRAHIM	28	Bukan Staf	-	MELAKA	2	KEPUTIAN	2.58	DIPLOMA	KEJURUTERAAN ELEKTRONIK	TIDAK	TIDAK
4	ADIBAH BT MOHAMAD ALI	26	Bukan Staf	-	MELAKA	2	CEMERLANG	2.69	DIPLOMA	KEJURUTERAAN AWAM	TIDAK	TIDAK
5	ADIDAH BINTI SAHARUDIN	22	Bukan Staf	-	MELAKA	1	CEMERLANG TINGGI	3	DIPLOMA	KEWANGAN DAN BANK	TIDAK	TIDAK
6	ADRA BINTI TAIB	22	Bukan Staf	-	MELAKA	2	CEMERLANG	3.49	DIPLOMA	ACCOUNTING FOUNDATION	TIDAK	TIDAK
* Jumlah Calon : 1374 * Jumlah Keseluruhan : 4791												

Nama ADIBAH BT MOHAMAD ALI
 IdMohn 83739 SKM(TIDA SKM)
 BMI 19.07

SENAARI CALON YANG TELAH DISARING OLEH PTJ BAGI SESI 14 - JAWATAN PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI)

No	No Kad Pengenalan	Staf	Status Di UTEm	Pilihan	Status Permohonan	PTJ	Dikemasuk Oleh :
1	890523016202	Bukan Staf	-	1	SOKONG	PEJ. PENDAFTAR	01631 - IWAN BIN MOHAMAD
2	820506085368	Bukan Staf	-	2	SOKONG	PEJ. PENDAFTAR	0263 - MOHD AZMI BIN MAT SAID
3	861216465400	Bukan Staf	-	1	SOKONG	PEJ. PENDAFTAR	01631 - IWAN BIN MOHAMAD
4	881104045098	Bukan Staf	-	2	SOKONG	PEJ. PENDAFTAR	01631 - IWAN BIN MOHAMAD
5	921023086246	Bukan Staf	-	1	SOKONG	PEJ. PENDAFTAR	01631 - IWAN BIN MOHAMAD
6	921119045262	Bukan Staf	-	2	SOKONG	PEJ. PENDAFTAR	01631 - IWAN BIN MOHAMAD
* Jumlah Calon : 29 * Jumlah Calon Yang Telah Disokong : 22 * Double Click Untuk Kemasukan							

Sekiranya calon tidak memenuhi kriteria PTj, klik TIDAK SOKONG dan SIMPAN

Nama calon dan jumlah calon yang tidak disokong akan dipaparkan di ruangan senarai calon yang telah disaring

Saringan telah selesai dibuat oleh PTj.
 Semoga dengan panduan ini, dapat memudahkan pengguna sistem untuk membuat saringan dengan lebih mudah, cepat dan berkesan.

Pelaksanaan Audit Dalaman ISO 9001:2008 Pejabat Pendaftar Tahun 2014

April 2014 – Pejabat Pendaftar, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah melaksanakan Audit Dalaman MS ISO 9001:2008 dengan jayanya pada 22-24 April 2014. Pasukan Audit Dalaman (PAD) telah dibentuk untuk menyempurnakan perjalanan audit yang berlangsung selama tiga (3) hari. Lantikan terhadap Ketua Pasukan Audit (KPA) dan Juruaudit Dalaman (JD) Pejabat Pendaftar untuk menjadikan PAD yang mantap telah diperakukan oleh Barisan Tertinggi Pejabat Pendaftar. Encik Mohd Shahar bin Akashah, Ketua Bahagian di Bahagian Pengurusan Organisasi Pejabat Pendaftar telah dilantik sebagai KPA dan sebelas (11) orang JD Pejabat Pendaftar yang komited dan dedikasi telah melengkapkan PAD bagi tahun 2014.

Pejabat Pendaftar dengan skop audit **"Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia"** telah menggariskan objektif Pelaksanaan Audit Dalaman MS ISO 9001:2008 adalah untuk:

- Menilai pematuhan proses-proses Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) Pejabat Pendaftar di setiap bahagian yang dijalankan berdasarkan keperluan dan objektif-objektif yang didokumenkan dalam SPK Pejabat Pendaftar;
- Menilai bahawa proses-proses tersebut memenuhi keperluan dasar-dasar, prosedur-prosedur dan arahan-arahan kerja yang didokumenkan;

Oleh: Laila Zahidah binti A. Rahman

- Memastikan bahawa SPK setiap Bahagian di Pejabat Pendaftar adalah berterusan.

Dapatan Audit Dalaman MS ISO 9001:2008 Pejabat Pendaftar melaporkan bahawa secara keseluruhannya telah menunjukkan usaha-usaha yang baik dalam pelaksanaan SPK yang didokumenkan selaras dengan MS ISO 9001:2008 dan secara amnya, kebanyakan proses yang dijalankan di Pejabat Pendaftar memenuhi keperluan prosedur-prosedur kerja dan peraturan yang berkaitan. Jutaan terima kasih dan sekalung penghargaan kepada semua warga Pejabat Pendaftar yang terdiri daripada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Bahagian Dasar & Kualiti Pengurusan, Bahagian Pengurusan Organisasi, Bahagian Pengurusan Akademik, Bahagian Cuti Belajar dan Bahagian Kesejahteraan Personel.

Semoga segala maklumat, laporan mahupun dokumen-dokumen yang berkaitan yang diperoleh semasa pelaksanaan Audit Dalaman ini dapat membantu dalam pelaksanaan Audit Pensijilan Semula Pejabat Pendaftar yang dijangka akan diadakan pada 15 dan 16 Julai 2014 oleh Badan Pensijilan Bureau Veritas Certification (M) Sdn. Bhd.



Oleh: Sahhizam bin Maamin

TEAMWORK MAKES the Dream WORK

Pada 12 Jun 2014, Jabatan Latihan Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar dengan kerjasama UiTM Kampus Bandar telah menganjurkan satu (1) program bertajuk **"Teamwork Makes The Dream Work"**.

Program yang dilaksanakan di Bilik Jamuan VIP, Dewan Besar, UTeM telah dihadiri oleh seramai 30 orang peserta.

Uniknya program ini, ia dikendalikan sepenuhnya oleh Pelajar UiTM Kampus Bandar maka seramai 10 orang dengan dibantu oleh dua (2) orang Pensyarah mereka. Walaupun masih baru dalam pelaksanaan program latihan, mereka telah menunjukkan kesungguhan dengan menyusun setiap aktiviti dengan rapi dan berkesan. Slot-slot ceramah di selang-seli dengan aktiviti bina pasukan yang menarik dan mampu memberi impak kepada peserta.

Program yang bermula pada jam 8.30 pagi telah tamat pada jam 12.30 tengah hari. Majlis penutup disempurnakan oleh Encik Misdom bin Lan, Timbalan Pendaftar, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar. Pada ucapan penutup beliau mengucapkan ribuan terima kasih kepada penceramah dan peserta yang hadir, beliau juga melahirkan rasa bangga atas usaha kerjasama ini dan diharap ia dapat memangkin kerjasama yang lebih erat pada masa mendatang.



Ramadan

Ramadan

Ramadan

....kini jatang lagi



Oleh: Marsitah binti Abu Bakar

Kisah di zaman kanak-kanak.... adalah alam yang paling membahagiakan..bangun pagi, ke sekolah, belajar, balik, makan, tidur..itu saja yang aku tahu...almaklum anak manja..tiada masalah yang datang membelenggu...kecuali tiba masa nak exam sahaja.

Aku dilahirkan dalam keluarga yang serba sederhana tetapi telah di didik dengan ajaran agama sembahyang, mengaji dan paling tidak mesti berpuasa. Emak & ayah aku tak pernah merungut untuk mendidik aku berpuasa sebab aku dengan sendiri pandai berdikari. Rasanya aku terbiasa berpuasa penuh sebab yang pasti dapat upah..duit RAYE...bestnye....

Al-kisah di bulan puasa..pabila balik dari sekolah pagi, aku akan ke sekolah agama di sebelah petang. Tiba masa sembahyang asar, aku & rakan seangkatan akan ke surau bersebelahan sekolah agama. Ada kalanya belum masa aku telah ke surau dulu..untuk basuh muka kononnya demi menghilangkan rasa kehausan yang melanda tekak....banyak dugaan...di tambah air kolah yang memang sejuk, menambah lagi godaan puasa aku. Masa tulah terbayang air sirap dan sebagainya..fuhhh!!!!

Suatu KETIKA, dengan cuaca yang memang panas terik, seperti biasa aku ke surau untuk membasuh muka tapi kali ini bukan dengan niat untuk bersolat..sekadar basuh muka. Basuh..basuh dan basuh...punye le nyaman dan segar bila ku siram air kolah yang sejuk ke muka. Tut-tut berdetik di hati ini hasutan syaitan yang telah dibelenggu di bulan puasa ni..aku seperti hilang pedoman kerana terlalu kehausan... apa lagi, aku terus teguk air yang sejuk meresap melalui kerongkong...**GULP!!!! Astaghfirullah....**

Malangnya air diteguk telah pun membasihi tekak aku...maka terbatallah puasa aku walaupun tidak diketahui oleh rakan-rakan dan keluarga ku. Baru aku sedar satu dosa telah aku lakukan & hilanglah pahala .iaitu MENIPU! Macam biasa bila waktu berbuka aku turut berbuka seperti biasa...tiba-tiba sewaktu aku ingin menyuap kuih ke mulut..kuih terjatuh..lalu aku tersentak.

YA ALLAH.....kalimah yang keluar dari mulut, baru aku tersedar...rupa-rupanya aku sekadar mimpi.....Alhamdulillah. Aku masih menjadi anak yang taat melakukan ibadah. Alkisah hanya mimpi yang boleh dijadikan Iktibar '**Jangan Biar Nafsu Menguasai Fikiran, Maka Akan Rosaklah Amalan'**.

PEJABAT PENDAFTAR & BAHAGIAN DASAR DAN KUALITI PENGURUSAN



AUDILFITRI

MAAF ZAHIR DAN BATIN
DARIPADA: WARGA PEJABAT PENDAFTAR

SUNGAI DISUSUR SEHARI-HARI
DALAM GELAP MENANGKAP IKAN
KAMI MENYUSUN SEPULUH JARI
SALAH DAN SILAP HARAP MAAFKAN





BERPUASA DI PERANTAUAN

Oleh: Siti Rahimah binti Ab Rahaman

Tinggal beberapa hari Ramadan bakal menjelma. Kedatangan bulan penuh keberkatan ini sudah semestinya ditunggu-tunggu oleh seluruh umat Islam tidak kira di mana jua mereka berada. Kehangatan suasana menyambut Ramadan diraikan tanpa mengira sempadan bahasa, bangsa dan warna kulit. Dan pastinya kami, yang berada di perantauan sentiasa menghitung hari ketibaan bulan tersebut untuk mengeratkan lagi tali silaturrahim sesama kami dan juga masyarakat Islam di sini.

Sepanjang 3 tahun kami di sini, bulan puasa akan jatuh pada musim panas iaitu antara akhir Jun hingga Julai. Waktu siangnya lebih panjang berbanding waktu malam. Secara langsungnya, masa berpuasa juga menjadi lebih **iaitu 19 jam dari 2.30 pagi hingga 9.30 malam** yang mana suhunya dalam sekitar 18°C-23°C menjadikan puasa tidaklah begitu meletihkan dan dalam keadaan yang nyaman. Justeru itu, pelbagai bentuk aktiviti keagamaan diatur oleh Jawatankuasa Malaysian Community of Cheetham Hill (MCCH) yang menjadi nadi kepada persatuan pelajar Malaysia di kawasan ini.

Antara aktiviti MCCH yang menjadi tradisi setiap tahun ialah Majlis Tadarus Al-Quran yang akan dijalankan secara berasingan antara lelaki dan perempuan. Bagi kumpulan lelaki akan dibahagikan pula kepada setiap kumpulan kecil yang terdiri antara 5-6 orang. Setiap kumpulan akan dibahagikan juzuk-juzuk Al-Quran tertentu dan setiap dari mereka diwajibkan membaca mengikut giliran masing-masing. Selalunya mereka akan berkumpul di masjid pada setiap hujung minggu. Kumpulan perempuan juga menggunakan pendekatan yang sama dan selalunya akan berkumpul di rumah-rumah mereka yang sukarela.


Bazaar Ramadan Manchester diadakan khas untuk para pelajar Malaysia berniaga dan terbuka kepada warga tempatan untuk datang membeli dan merasai sendiri keunikan masakan Malaysia. Ianya merupakan aktiviti wajib dibuat setiap kali tiba bulan puasa. Bazaar ini akan dibuat pada hujung minggu dan dibuat di dalam dewan salah satu masjid di sini iaitu Masjid al-Khizra.



Ada di antara peniaga-peniaganya datang dari luar Manchester seperti dari Liverpool, Sheffield, Wigan dan Bradford untuk sama-sama menjual dan memeriahkan lagi suasana. Antara menu popular yang boleh didapati adalah satay, sup ekor, rojak, keropok lekor, pelbagai jenis kuih muih dan air. Selain daripada itu, para pengunjung yang datang digalakkan membeli sambil bersedekah. Hasil dari kutipan ini akan disalurkan kepada badan-badan amal kebajikan muslim di sini. Sekurang-kurangnya dengan adanya bazaar seumpama ini terubat juga kerinduan kami untuk merasai makanan Malaysia yang di masak sendiri oleh orang Malaysia. Tidak dilupakan bagi mereka yang tidak bernasib baik, permastautin dan para pelajar Malaysia di sini berganding bahu menyertai aktiviti yang dianjurkan oleh Muslim Youth Foundation membantu memberikan makanan secara percuma kepada *"homeless people"* tanpa mengambil kira agama yang bertempat di Picadilly Garden di mana tempat mereka selalu berkeliaran.



Majlis berbuka puasa juga adalah perkara yang biasa diadakan saban tahun. Kebiasaan-nya pelajar Malaysia di sini akan mengikut waktu azan di masjid berdekatan sebagai panduan waktu berbuka memandangkan waktu azan di sini berbeza-beza mengikut rujukan perkiraan falak. Pihak MCCH akan menyediakan dewan makan dan setiap keluarga akan dimohon menyediakan satu jenis kuih untuk dinikmati bersama. Pada sebelah pagi, pihak lelaki yang berkelapangan akan bergotong-royong memasak di salah sebuah rumah ahli. Bahan-bahan masakan turut disumbangkan oleh ahli-ahli MCCH.



Sebelum majlis berbuka, tazkirah ringkas akan disampaikan oleh ahli jawatankuasa kerohanian MCCH. Selepas itu, kami akan solat magrib berjemaah dan bersolat terawih bersama dengan masyarakat setempat. Walaupun berpuasa panjang pada siang hari, tidak menjadi halangan kepada muslimin dan muslimat di sini menunaikan solat terawih yang dibuat antara pukul 11 hingga larut malam, bahkan jemaah sentiasa ramai dan meriah sekali. Iftar juga turut disediakan setiap hari di masjid. Kebanyakkan juadah disumbangkan oleh para dermawan di sini dan kebiasaan menunya ialah nasi beriyani. Persatuan Islam di sini juga sentiasa mengalu-alukan kedatangan kepada sesiapa yang ingin berqiamullail secara jemaah terutamanya pada 10 malam terakhir bertempat di Islamic Academy and British Muslim Heritage Center.

Takbir raya akan dibuat dari rumah ke rumah ahli setelah mengetahui pengumuman hari raya yang akan dibuat oleh Kedutaan Malaysia di London. Kami di sini akan solat raya bersama di dewan yang ditempah khas. Selesai urusan solat raya, MCCH akan mengadakan jamuan raya di situ juga. Masing-masing yang membawa juadah raya akan saling bertukar-tukar rasa. Di situ kemeriahian raya sama seperti di Malaysia.



Sekali sekala berkumpul dalam jumlah yang ramai membuatkan kami tidak pernah sunyi dengan cerita. Walaupun duduk dalam kariah yang sama, ada kalanya tidak berkempatan untuk menjengah yang lain disebabkan tuntutan belajar, kerja dan kekangan masa. Dapat dilihat dikalangan ahli baru dan lama berbual mesra ketawa bersama membuatkan kami begitu akrab antara satu dengan yang lain. Kami ibarat satu keluarga yang besar. Semangat penyatuan yang ditunjukkan setiap dari kami di sini seolah-olah mempunyai pertalian darah yang rapat membuatkan kami sekeluarga terleka seketika dari mengingati keluarga yang jauh di mata.



Akhir kata, **selamat menyambut Ramadan dan Syawal kepada seluruh warga UTeM tidak kira di mana anda berada!**



Kemeriah dan kehangatan hari raya tidak behenti di situ. Undangan ke majlis-majlis rumah terbuka sentiasa datang bersilih ganti sehingga tamat hari raya. Keseronokan beraya di perantauan tidak dapat kami bayangkan sekiranya kami tidak berpeluang menetap di sini. Dengan keizinan dariNYA dan peluang yang diberikan oleh UTeM Alhamdullilah dapat kami nimba pengalaman baru dan belajar sesuatu yang berharga yang tidak mungkin dapat diperolehi di mana-mana. Bak kata pepatah "**jauh perjalanan luas pengalaman**". Semoga dengan kedatangan Ramadhan dan Syawal kali ini dapat kita sama-sama menambahkan lagi tahap keimanan dan ketaqwaan kita kepada Ilahi.



RAMADAN AL-MUBARAK

Assalamualaikum wrt wbt

Selawat dan salam kepada Nabi junjungan Muhammad SAW, ahli keluarga baginda, para sahabatnya juga kepada umatnya yang sentiasa memegang panji-panji dakwah Muhammad SAW.

"Sesungguhnya tiada hadiah lebih agung dari doa, Rasul SAW bersabda: Tiadalah seorang muslim berdoa untuk saudara muslimnya kecuali malaikat berkata : amin dan bagimu seperti doamu pada saudaramu"
(Shahih Muslim)

Pejam celik pejam celik Ramadan datang lagi. Saban tahun Ramadan akan datang beserta kemuliaannya. Bercerita bab Ramadan ini rasanya para pembaca lebih hebat daripada saya. Mungkin para pembaca lebih banyak gurunya berbanding saya. Mungkin para pembaca lebih banyak khatam kitab-kitab berbanding saya yang Lemah Lagi Pendosa ini.

Yang Pasti.....Bulan Ramadan.....

Inilah masanya untuk kita menjauhi larangan Allah SWT semampunya dengan perjuangan, jika terjebak dalam dosa maka segeralah memohon ampun pada Allah SWT dan jalankanlah perintah Allah semampunya, jika terjebak pada ketidaktaatan, maka segera perbaiki diri dan mohon ampun padanya, Allah maha pengampun dan murah pengampunannya, namun jangan meremehkan pengampunanNya kerana akan berubah menjadi kemurkaanNya.

Inilah Masanya...



Oleh: Saiful Anuar bin Mohamad

Inilah masanya untuk kita mengingati mati. Ingatlah masa depan kita milik Allah SWT semata-mata dan setelah mati maka terhapuslah semuanya ini. Kematian yang mengikuti kita ini lebih dekat dari bayangan kita sendiri, Tamu yang terakhir menemui kita dalam kehidupan ini akan datang mengunjungi kita, jika ia datang maka tiada tamu lagi yang akan menjumpai kita..., jika ia masuk ke sebuah rumah maka ia tidak akan keluar kecuali dengan tangisan penduduk rumah...ia adalah pencerai ruh dengan jasad, yang membuat isteri menjadi janda, suami menjadi duda dan anak menjadi yatim. Ia akan datang...pasti akan datang....namun ia hanyalah utusan, utusan Allah SWT yang datang membawa diri kita memisahkannya dari jasad.

Inilah masanya untuk kita menghayati perjuangan Muhammad SAW dengan mengikuti sunnahNya. Buatlah seberapa banyak sunnah yang kita mampu. Bak kata ulama "**Kalau tak boleh buat semua jangan tinggalkan semua**" Setiap hari menangislah kerana rindu... menangislah kerana cinta... menangislah kerana kasih terhadap seseorang yang bernama Muhammad SAW. Inilah formula kejayaan para aulia terdahulu.

Yang Pasti.....Bulan Ramadan.....

Inilah masanya untuk kita membuat keputusan yang penting dalam hidup seperti ingin berkahwin, beli @ buat rumah, mencari pekerjaan atau apa sahaja perancangan yang baik kerana Ramadan itu banyak berkahnya.

Inilah masanya untuk kita berbaik sangka kepada Allah swt. Apa yang berlaku terhadap kita itu adalah kasih sayang Allah...kesenangan...kesusahan...kesempitan...penyakit....dan segalanya. Banyak sungguh kebaikan yang kita dapat hanya dengan berbaik sangka. Sebagai contoh jika Allah SWT menghendaki agar hambanya menjadi baik, maka, Dia akan memberikan Hidayah, mengajar mereka, mengawasi mereka, menerangi mereka, memberikan kesempatan kepada mereka, mendekatkan mereka kepada-Nya dan memberikan sinar ke dalam hati mereka sepetimana Firman Allah SWT yang tercantum di dalam surah Al-Baqarah ayat 282 bermaksud "Oleh itu hendaklah kamu bertaqwah kepada Allah, dan (ingatlah), Allah (dengan keterangan ini) mengajar kamu; dan Allah mengetahui akan tiap-tiap sesuatu"

Semoga Ramadan kali ini lebih baik dari sebelumnya dan diberkati. Insya Allah.



Pertandingan Futsal Tertutup

Oleh: Sahhizam bin Maamin
Pejabat Pendaftar

26

Inilah masanya untuk kita membersihkan hati. Semakin bersih hati kita semakin nikmat hidup kita di bumi ini, karena Pemilik-Nya SWT mencintai orang-orang yang bersih hatinya. Sepetimana yang diucapkan oleh Syeikh Abdul Qadir Al-Jailani di dalam khutbahnya "Hati..! Hatilah yang beriman...! Hatilah yang mengesakan Allah...! Hatilah yang memurnikan aqidah..! Hatilah yang ikhlas...! Hatilah yang bertakwa...! Hatilah yang memelihara diri daripada yang Haram dan Syubhat...! Hatilah yang yakin...! Hatilah yang zuhud...! Hatilah yang arif...! Hatilah yang beramal...! Hatilah yang memimpin seluruh tubuh manusia, sementara seluruh anggota adalah anggota pasukan dan pengikutnya. Oleh itu, jika kamu ingin menyucapkan LA ILAHA ILLALLAH, maka lebih dulu hendaklah kamu ucapan dengan hatimu, kemudian kamu iringinya dengan lidah"

BERTABALAH HATI

BERTABALAH HATI...
DENGAN KEHILANGAN SAYAP KANANKU

YANG SELALU MENYANDARKAN BAHUNYA TATKALA AKU BERDUKA LARA

KETAHUILAH ...
DENGAN PEMERGIANMU
KESEPIAN ITU SENTIASA HADIR
WALAUPUN DITEMANI PUTERI-PUTERIMU

HIBANYA HATI MELEPASKAN KAU PERGI
BUKAN TIDAK REDA,
TAPI ITULAH HATI SEORANG ISTERI
PASTI ADA RASA CINTA BAGAI ISI DAN KUKU...
TAPI HAKIKATNYA KITA SEMUA HAMBA
YANG TERPAKSA AKUR DENGAN TAKDIR-NYA
DAMAILAH KAU DI SANA SAYANG....

"TEMAN SEJATI" ALUNAN BROTHERS – LAGU YANG
SELALU KAU PUTARKAN DI HARI-HARI TERAKHIR
PEMERGIANMU SANGAT TERKESAN DI HATI INI.....

(AL-FATIHAH BUAT SUAMI TERSAYANG
ALLAHYARHAM NOR ZAIDI BIN HARON, FKEKK
3 JULAI 2014 - 5 RAMADAN 1435H)

CORETAN HATI :
NORIHAN BINTI ABU NAWAR

Malaysia Melaka

Di akhir pertandingan, pasukan Bosnia menjuarai pertandingan diikuti, Mexico di tempat kedua dan Jepun di tempat ketiga. Hadiah-hadiah pertandingan telah disampaikan oleh En. Razali bin Adduman, Penolong Pendaftar di Bahagian Pengurusan Sumber Manusia.

27

Tarikh 4 Jun 2014 merupakan berlangsungnya Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Anugerah Sanjungan Universiti 2014.

Pada tahun ini Majlis APC yang diadakan sedikit istimewa kerana terdapat beberapa anugerah lain yang diberikan kepada staf-staf kita yang telah berkhidmat dengan penuh iltizam dan dedikasi.

Seramai 160 staf menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang. 73 staf pula diberi Anugerah Jasa Bakti. Seorang diberikan Anugerah Khas Universiti dan dua (2) orang pelajar diberikan Sijil Anugerah Penghargaan Khidmat Bakti.

Buat julung kalinya Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah memperkenalkan **Anugerah**

Jasa Bakti (AJB) bagi mengiktiraf dan menghargai jasa staf yang telah berkhidmat dalam perkhidmatan kerajaan melebihi 20 tahun tanpa terputus perkhidmatan termasuklah 5 tahun berkhidmat di UTeM. Seramai 73 orang (56 lelaki dan 17 wanita) staf telah terpilih untuk menerima Anugerah Jasa Bakti bagi tahun 2014 ini.

Bagi menghargai jasa mereka, Universiti telah memberikan **cenderahati berbentuk seutas jam tangan dan Sijil Penghargaan**.

Pewujudan AJB ini adalah hasil daripada usul yang dibawa oleh Kesatuan Kakitangan UTeM (KEKUTEM) dan telah dipersetujui oleh Pihak Pengurusan Universiti dalam Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) dan seterusnya diluluskan melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 6/2013 pada 30 Disember 2013.

Anugerah Khas Universiti pula merupakan anugerah yang diberikan kepada staf universiti yang beriltizam terlibat secara menyeluruh dan sentiasa menyumbang kepada penemuan dan pembangunan ilmu, penjanaan nilai kemasyarakatan untuk universiti dan memenuhi aspirasi IPT sebagai jentera pembangunan kekayaan universiti dari dalam jabatan dan luar universiti. Anugerah Khas Universiti tahun ini diberikan kepada En. Jamal Abd. Nasir bin Abd Wahab dari Pusat Komputer.

Malah turut **diraikan bersama dua orang pelajar** UTeM iaitu Ahmad Nawawi bin Mohd Amin dan Ahmad Jazli bin Jusoh . Dua orang pelajar tersebut telah diberikan **Sijil Anugerah Penghargaan Khidmat Bakti** kerana memaparkan akhlak yang terpuji dengan membantu warga Melaka pada saat mereka memerlukan bantuan tanpa mengharapkan balasan terhadap bantuan yang diberikan. Warga Melaka berkenaan sangat terharu dan bangga dengan sikap pelajar-pelajar tersebut.



Oleh: Musliha binti Zakaria

Majlis ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) 2013



info

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

i@UTeM

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Selamat Datang
Ratnasaerah Binti
Azis

SISTEM
UMAT UNIVERSITI

Emel

OAS

SMKB

SMP

SMSM

Sign

Tindakan
To Do List

Info Info

Katalaluan
Password

Daftar
Register

Info UTeM

• [ANNOUNCEMENT]
UCAPAN SETINGGI
TAHNIAH KEPADA Y.A
BHG TAN SRI DATUK IR
DR. AHMAD ZAIDEE BIN
LADIN DI ATAS
PENGURNAAN DARJAH
KEBESARAN PANGLIMA
SETIA MAHKOTA (P.S.M.)

• [ANNOUNCEMENT]
MUET NOVEMBER 2014 -
REGISTRATION AND EXAM
DATES

Computer Centre | Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Hang Tuah Jaya, 76100 Durian Tunggal, Melaka, Malaysia.
Phone: +606-331 6029 Fax: +606-331 6030 Helpdesk: +606-331 6328

Oleh: Mohd Shahrul Nizam bin Shukor

Kepentingan Mengemaskini Maklumat Peribadi dalam SMSM

Maklumat Peribadi mengandungi semua maklumat asas berkaitan dengan peribadi staf seperti profil peribadi, keluarga, akademik, kecacatan, pengalaman bekerja sebelum menyertai UTeM, persatuan, anugerah yang diterima, akaun bank dan maklumat lain yang berkaitan. Proses pengemaskinian maklumat peribadi perlu dilakukan oleh setiap staf melalui borang-borang yang telah disediakan kerana ianya adalah merupakan data asas bagi memastikan modul-modul yang lain boleh dilaksanakan selain menjaga kepentingan staf.

Kepentingan

1 Maklumat Pasangan/Anak/Iubapa/Waris:

- a. Kadar pembayaran cukai pendapatan yang tinggi.

30

info

Senarai Borang

Bil	Kod Dokumen	Tajuk Dokumen
1.	SMSM 01 - Semakan 1	Borang Maklumat Peribadi
2.	SMSM 02 - Semakan 1	Borang Maklumat Alamat
3.	SMSM 03 - Semakan 1	Borang Maklumat Pasangan
4.	SMSM 04 - Semakan 2	Borang Maklumat Anak
5.	SMSM 05 - Semakan 1	Borang Maklumat Ibu Bapa
6.	SMSM 06 - Semakan 1	Borang Maklumat Pengalaman Kerja
7.	SMSM 07 - Semakan 1	Borang Maklumat Kelayakan Akademik
8.	SMSM 08 - Semakan 1	Borang Maklumat Rujukan Semasa Kecemasan
9.	SMSM 09 - Semakan 1	Borang Maklumat Ketidakupayaan Staf
10.	SMSM 10 - Semakan 1	Borang Maklumat Badan Profesional
11.	SMSM 11 - Semakan 0	Borang Maklumat Anugerah

2 Maklumat Kelayakan Akademik

- a. Kesukaran memohon jawatan kenaikan pangkat kerana kelayakan akademik tidak setara.
- b. Gelaran seperti Dr. tidak dapat dikemaskini bagi staf berkelayakan Ph.D.
- c. Insentif seperti hadiah pergerakan gaji tidak dapat diberikan.

3 Maklumat Kecacatan

- a. Tidak mendapat faedah yang sepatutnya.

4 Pengeluaran Laporan

- a. Laporan yang tepat dan terkini tidak dapat dikeluarkan sekiranya maklumat tidak dikemaskini.

Tahniah!!

Aleesya Azzaleya binti Mohd Faiz
Ayah: Mohd Faiz bin Zulkifli
6 Mei 2014

Jamal bin Mahmud Nur Adhliyyana bt Rosli
1 April 2014

Azima bt Mohammad Mohd Hairull bin Abdolah
30 Mei 2014

Oleh: Faridah binti Ahmad

Unit Perancangan/HRMIS
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia,
Pejabat Pendaftar
06-3316124/6125/6126

It's Girl

31

Program

Sehari Bersama Penaja Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI) Oleh Bahagian Biasiswa, Sektor Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia

Di Universiti
Teknikal Malaysia
Melaka (UTeM),
Kampus Bandar
Melaka

Oleh: Norsuria binti Azis



Program Sehari Bersama Penaja Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI) oleh Bahagian Biasiswa, Sektor Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia telah diadakan pada 6 Mei 2014 bertempat di UTeM, Kampus Bandar. Program ini telah dihadiri oleh wakil dari Bahagian Biasiswa, Sektor Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu Puan Hazliza binti Hassan (Ketua Penolong Setiausaha Kanan), Puan Sham Azura binti Ahmad (Penolong Setiausaha Kanan), Puan Azirah binti Abd Manaf (Penolong Setiausaha), dan Puan Raihana Fadhilah binti Zawawil Al Ansari (Penolong Setiausaha). Manakala wakil dari UTeM adalah En. Akmal bin Abdul Manap (Penolong Pendaftar Kanan, Bahagian Cuti Belajar), Norsuria binti Azis (Penolong Pendaftar, Bahagian Cuti Belajar), Erdalia Erna binti Daud (Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Bahagian Cuti Belajar) dan staf-staf dari Bahagian Cuti Belajar. Program ini juga turut dihadiri oleh Y.Bhg. Prof. Dr. Shahrin bin Sahib @ Sahibuddin (Naib Canselor, UTeM).

Objektif utama Program ini adalah sebagai salah satu strategi penambahbaikan penyampaian perkhidmatan pada tahun 2014, secara tidak langsung program ini melibatkan integrasi pelajar dan institusi pengajian di bawah tajaan Skim Latihan Akademik Kementerian. Pertemuan yang telah diadakan secara umumnya melibatkan perbincangan antara penaja-majikan, penaja-institusi pengajian pelajar tajaan serta pertemuan antara pelajar-pelajar.

Program ini telah dihadiri oleh staf yang sedang cuti belajar dan juga staf yang diunjurkan cuti belajar tahun 2014. Jumlah kehadiran pada program tersebut adalah seramai lebih kurang 90 orang staf. Program ini telah menerangkan serba sedikit isu-isu semasa berkaitan Skim Cuti Belajar, Skim Paska Kedoktoran / Sub Kepakaran, kemudahan-kemudahan cuti belajar dan elau-elauan cuti belajar yang diberikan.

Universiti amat berbesar hati usaha KPM untuk merapatkan hubungan antara KPM, IPTA dan juga pelajar-pelajar tajaan. Secara umumnya program ini telah mencapai objektif yang diingini oleh KPM.

Senyumlah Duhai Diri

#7

DIDIKLAH HATI

Nabi Muhammad s.a.w bersabda,

"Sesungguhnya dalam diri manusia itu ada seketul daging. Jika daging itu baik, maka baiklah seluruh anggota badannya tetapi seandainya daging itu rosak dan kotor, maka kotor dan rosaklah seluruh anggota badannya. Daging yang dimaksudkan ini adalah hati."

(Riwayat Bukhari dan Muslim daripada Nu'man bin Basyir)

Mendidik hati bukan sesuatu yang mudah dilakukan. Mengikut kata hati itu memang pantas kita uruskan. Ya, andai kata hati itu ke arah kebaikan, yang berunsur kemuliaan, harus saja kita turutkan. Namun, andai ia menyimpang dari nilai murni, haruskah kita turuti? Ibarat kata 'Ikut hati mati, ikut rasa binasa'. Kata hati yang durjana, menarik kita ke lembah hina. Justeru, didiklah hati, biar ia murni. Kelak bila dituruti, hasilnya suci.

Ya, memang betul. Kadang kita terasa seperti puas apabila kita mengikut kata hati yang berunsur negatif. Sebagai contoh, apabila sesuatu perkara terjadi kepada kita dan kita merupakan mangsa dalam situasi tersebut. Lebih-lebih lagi apabila kita diburuk-burukkan walhal kita tidak seperti yang diperkatakan. Ikutkan hati, mahu saja kita sumpah seranah pada individu yang membawa cerita. Biar dia rasa. Biar padan dengan muka dia. Tapi, adakah rasa puas itu satu kebahagiaan buat kita? Adakah dengan menuturkan kata-kata yang negatif mampu membuatkan kita tersenyum? Andai YA jawapannya, mohon balik rumah cek semula hati kita. Mungkin sudah lama tidak dicuci.

Oleh: Muhamad Hazrul bin Md Esa K.B, P.A (Mal)

"ikut hati mati, ikut rasa binasa."
kata hati yang durjana, menarik
kita ke lembah hina. justeru,
didiklah hati, biar ia murni. kelak
bila dituruti, hasilnya suci.

Mengikut kata hati yang kotor hanya akan membawa kita jauh dari rasa bahagia. Hidup gundah gulana. Tersasar dari redhaNya. Justeru, ayuhlah kita didik hati biar ia murni. Agar nanti, bila terdetiknya hati, ia dengan redha Ilahi.

Berkata seorang ulama, Ibrahim Al-Khawwas :

"Ubat hati itu ada 5 perkaranya. Yang pertama membaca Al-Quran dengan maknanya.

Yang kedua dirikanlah solat malam.

Yang ketiga berkumpullah dengan orang-orang soleh.

Yang keempat perbanyakkan berpuasa dan

yang kelima panjangkanlah zikir di malam hari."

Senyumlah Duhai Diri

#8

KAWALLAH AMARAH



MARAH. Satu perasaan yang sememangnya sentiasa mengekori kita. Tak kira masa dan ketika, rasa marah ini acapkali menjengah kita saban hari. Jarang sekali kita dapat menikmati hari-hari tanpa ada rasa marah mendekati. Kadangkala, seawal bangkit tidur di awal pagi, rasa marah sudah terbit tanpa kita sedari. Rasa marah mampu hadir dalam pelbagai situasi, tak kira masa atau ketika. Walau apa jua yang sedang kita lakukan, rasa marah ini mampu menyelinap memenuhi ruang diri kita. Ya, bukan senang mengawal rasa marah. Kita perlu benar-benar kuat untuk menahan api kemarahan. Tapi, bukan juga mustahil. Gagal menahan rasa marah memungkinkan pelbagai perkara buruk boleh berlaku.

Nabi Muhammad S.A.W pernah bersabda:

"Bukanlah orang yang kuat itu orang yang menang bertumbuk, tetapi orang yang kuat ialah orang yang mampu mengawal diri daripada sifat marah."

(HR Bukhari & Muslim)

Beberapa tips mudah yang boleh kita lakukan seandainya kita berada dalam keadaan marah. Tips yang pertama, **TERAPI AIR**.

Gunakan air untuk menenangkan diri. Air secara fitrahnya sejuk dan menenangkan. Andainya marah, minumlah air atau basuhlah muka. Bagi Muslim, lebih elok kiranya kita berwuduk. Nabi Muhammad S.A.W bersabda maksudnya, "Sesungguhnya kemarahan adalah daripada syaitan dan syaitan dicipta daripada api, apabila salah seorang kamu marah maka hendaklah dia berwuduk." (HR Ahmad & Abu Daud).

Tips yang kedua, **DIAM**. Berdiam diri ketika marah mampu meredakan api kemarahan. Diam juga boleh menenangkan diri kita.

Nabi Muhammad S.A.W bersabda maksudnya:

"Apabila seseorang kamu marah hendaklah dia diam." Nabi mengulangi ucapannya 3 kali.

(HR Ahmad, Tarmizi & Abu Daud).

Tips ketiga, **DUDUK** jika sedang merasa marah. Berdiri ketika marah akan menyebabkan kita lebih mudah bertindak mengikutkan hati yang marah.

Nabi Muhammad S.A.W bersabda maksudnya:

"Apabila seseorang kamu marah dalam keadaan berdiri hendaklah dia duduk, jika masih tidak hilang kemarahannya hendaklah dia berbaring secara mengiring"

(HR Ahmad & Abu Daud).

Taklimat

Oleh: Khusairi bin Ramli



PEKELILING BAHARU

SKIM PINJAMAN PERUMAHAN PERBENDAHARAAN MALAYSIA

Oleh Bahagian Pinjaman Perumahan,
Perbandaharaan Malaysia

Unit Saraan dan Perkhidmatan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar dengan kerjasama Bahagian Pinjaman Perumahan, Perbandaharaan Malaysia telah mengadakan satu taklimat berhubung prosedur dan tatacara Skim Pinjaman Perumahan Perbandaharaan Malaysia. Taklimat telah diadakan pada 23 April 2014, pukul 2.30 hingga 5.00 petang di Dewan Auditorium, Bangunan Canselori. Encik Mohd Rashidi bin Baba, Ketua Seksyen Dasar, Perancangan Strategik dan Kawalan, Bahagian Pinjaman Perumahan, Perbandaharaan Malaysia telah menyampaikan taklimat dan penerangan kepada hampir 200 orang staf UTeM yang hadir.

Tujuan taklimat adalah bagi menerangkan tentang pekeliling baharu PR1.1/2014 yang telah dikeluarkan oleh pihak Perbandaharaan Malaysia. Ianya amat penting kepada staf UTeM mengetahui tentang prosedur dan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Bahagian Pinjaman Perumahan, Perbandaharaan Malaysia. Antara penambahbaikan yang telah dibuat adalah seperti berikut:

1. Syarat-syarat pinjaman kedua perumahan yang telah ditambahbaik dimana Pemohon boleh (setelah menyelesaikan sepenuhnya baki hutang pinjaman pertama) menggunakan baki kelayakan yang telah digunakan untuk pinjaman pertama berdasarkan kelayakan pinjaman semasa tertakluk kepada ansuran bayaran balik bulanan tidak melebihi 50% dari gaji hakiki. peraturan sebelum ini adalah lebih ketat kerana ansuran bayaran balik bulanan bagi pinjaman kedua tidak boleh melebihi 25% dari gaji hakiki atau dalam erti kata lain tidak melebihi separuh daripada anggaran pendapatan bulanan pemohon yang akan diterima berdasarkan gaji hakiki semasa.

2. Pengecualian faedah bagi projek terbengkalai.
3. Tuntutan hartanah yang rosak akibat banjir dan kebakaran.
4. Tips mengelakkan dari ditipu semasa membeli rumah.

Selain dari penerangan oleh wakil Bahagian Pinjaman Perumahan Perbandaharaan Malaysia, pihak Bahagian Pinjaman Perumahan, Perbandaharaan Malaysia juga telah membawa wakil-wakil dari panel syarikat Insurans/Takaful Pinjaman Perumahan Perbandaharaan yang terdiri dari Axa Affin, Etiqa Insurance, Etiqa Takaful, HSBC Amanah Takaful, Prudential BSN Takaful, Sun Life Malaysia Takaful, Takaful Ikhlas dan Takaful Malaysia agar peserta taklimat dapat bertanya secara terus dengan syarikat Insurans/Takaful mengenai kelebihan produk yang ditawarkan bagi melindungi pinjaman perumahan yang diambil.

Di akhir sesi penerangan, peserta juga telah diberi peluang untuk bertanyakan sebarang kemusykilan berkaitan isu perumahan dalam sesi soal jawab yang dibuka oleh penceramah. Sambutan adalah sangat menggalakkan dan pelbagai soalan telah diajukan kepada penceramah. Peserta amat berpuas hati dengan penerangan yang diberikan oleh penceramah. Hasil perkongsian ilmu ini sangat informative dan berguna kepada peserta.

Taklimat telah diakhiri dengan acara penyampaian cenderahati yang disampaikan oleh wakil Pejabat Pendaftar iaitu En. Masdzarif bin Mahat, Timbalan Pendaftar Kanan, Bahagian Dasar dan Kualiti Pengurusan kepada En. Mohd Rashidi.



Coretan

Aktiviti

Bahagian Kesejahteraan Personel



Oleh: Muhamad Hazrul bin Md Esa K.B, P.A (Mal)

Rabu, 7 Mei 2014

Rileks Brother

Tekanan bukan sesuatu yang asing dalam kehidupan kita seharian. Sedari awal hari kita bermula, akan ada tekanan yang hadir. Tekanan ini hadir dalam pelbagai bentuk. Tekanan ini memungkinkan pelbagai perkara yang kurang enak terjadi dalam diri kita. Ada antara kita yang tidak mampu menghadapi tekanan sehingga menyebabkan hilang pertimbangan dan tidak kurang yang mengambil jalan singkat yang membahayakan diri sendiri juga orang sekeliling. Justeru, pengurusan tekanan yang baik mampu menjadikan kehidupan kita sentiasa ceria dan bahagia. Antara tips untuk menangani tekanan adalah dengan sentiasa tersenyum. Senyum mampu memberikan mood positif dan menenangkan individu. Selain itu, sentiasalah berfikiran positif. Menerima sesuatu perkara dengan terbuka tanpa hanya memikirkan keburukan semata-mata.

Penceramah:

Encik Izzudin bin Maskor
Penolong Pengarah
Bahagian Perkhidmatan Psikologi,
JPA

Rabu, 7 Mei 2014

1 2 3 Sayang Semuanya

Keluarga merupakan asas penting dalam kehidupan seorang individu. Dalam kebanyakan hal, keluarga memainkan peranan penting bermula dari kelahiran individu sehingga saat kematiannya. Keluarga juga memainkan peranan dalam membentuk jati diri dan keperibadian individu. Sememangnya dalam menjalani kehidupan ini, kita memerlukan keluarga yang sentiasa memberi sokongan dan dorongan tidak kira dalam situasi apa jua sekalipun. Keluarga perlu sama-sama berada bersama di saat suka maupun duka. Keluarga merupakan tunggak kekuatan seseorang dalam mengharungi pelbagai dugaan hidup. Justeru, semakinlah benih rasa sayang antara ahli keluarga dan sentiasa memupuk kesepakatan dan jauhi sebarang sengketa.

Penceramah:

Ustaz Nizam bin Ali
Pegawai Agama
Pejabat Pendidikan Ledang

Rabu, 16 April 2014

Pengurusan Wang Ringgit Anda (POWER)

Duit merupakan antara masalah utama dalam kehidupan individu. Rentetan dari masalah berpunca dari duit ini, pelbagai masalah lain bangkit memburukkan lagi keadaan. Gaji yang diterima tidak mampu menampung kehidupan untuk sebulan sehingga terpaksa mengikat perut menanti gaji yang seterusnya. Banyak duit bukanlah penjamin untuk kita bebas dari masalah kewangan. Pengurusan kewangan yang baik akan melepaskan kita dari belenggu masalah kewangan. Sentiasa membuat perancangan yang teliti akan perihal keluar masuk wang ringgit. Penelitian juga perlu dibuat setiap kali menggunakan wang untuk membeli barang. Konsep utama antara keperluan dan kemahuan perlu sentiasa digunakan.

Penceramah:

Encik Romzi bin Abu Bakar
Katuselor Kredit
Agensi Kaunseling &
Pengurusan Kredit (AKPK)



info

Ahmad Nizam bin Jamaludin

Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK)
Ijazah Sarjana (Inovasi dan Rekabentuk Kejuruteraan)
Pada 3 April 2014
Dari Universiti Putra Malaysia (UPM)

Mohd Saad bin Hamid

Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK)
Ijazah Sarjana Kejuruteraan (Komunikasi dan Komputer)
Pada 12 Mac 2014
Dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Khairun Nisa binti Khamil

Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan
Kejuruteraan Komputer (FKEKK)
Ijazah Sarjana Kejuruteraan (Mekatronik)
Pada 27 Februari 2014
Dari Universiti Malaya (UM)

Mohd Faruq bin Abdul Latif

Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK)
Ijazah Sarjana Kejuruteraan (Mekanikal)
Pada 12 Mac 2014
Dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Tamat Pengajian



Oleh: Erdalia Erna binti Daud

Ijazah Doktor Falsafah

Zikri Abadi bin Baharudin

Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE)
Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang
Engineering Science – Atmospheric Discharge
Pada 4 Jun 2014
Dari Uppsala University, Sweden

Mohd Sa'ari bin Mohamad Isa

Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan
Kejuruteraan Komputer (FKEKK)
Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Electronic
and Electrical Engineering (Communication)
Pada 7 Mei 2014
Dari The University of Sheffield, United Kingdom

Masrullizam bin Mat Ibrahim

Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan
Kejuruteraan Komputer (FKEKK)
Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang
Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik
Pada 19 Mei 2014
Dari University of Strathclyde, Glasgow,
United Kingdom

Mohd Zaid bin Akop

Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)
Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang
Kejuruteraan Mekanikal
Pada 25 Mac 2014
Dari Gunma University, Jepun

Nurfaizey bin Abdul Hamid

Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)
Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang
Kejuruteraan Mekanikal
Pada 13 Februari 2014
Dari University of Canterbury, Christchurch,
New Zealand

Sahazati binti Md. Rozali

Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE)
Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang
Kejuruteraan Elektrik
Pada 21 April 2014
Dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

Ijazah Doktor Falsafah

Mohd Rizal bin Alkahari
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)
Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang
Kejuruteraan Mekanikal
Pada 22 Mac 2014
Dari Kanazawa University, Jepun

Kamarul Ariffin bin Zakaria
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)
Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang
Kejuruteraan Mekanik & Bahan
Pada 19 Mac 2014
Dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)


Aida Fazliana binti Abdul Kadir
Fakulti Kejuruteraan Elektrik (PKE)
Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang
Kejuruteraan Elektrik, Elektronik dan Sistem
Pada 14 Februari 2014
Dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Hazura binti Haroon
Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan
Kejuruteraan Komputer (FKEKK)
Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang
Kejuruteraan Mikro dan Nanoelektrik
Pada 3 Mac 2014
Dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Mohd Shahir bin Kasim
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)
Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang
Kejuruteraan Mekanik dan Bahan
Pada 11 Mac 2014
Dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Rahman bin Hashim
Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan (PBPI)
Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Komunikasi
Pada 25 April 2014
Dari Universiti Islam Antarabangsa (UIAM)



SALAM PERANTAUAN



Daripada:
Mohd Fazli Mohd Sam
(Aichi University, Japan)
Roziana Rosli, Nur Farhana
Mohd Fazli dan
Muhammad Dzakwan Mohd Fazli

Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir & Batin khas buat ibu dan ayah, Mohd Sam Mizan dan Rusmani Jais di Melaka, Rosli Mat dan Zaitun Pendek di Pahang dan semua ahli keluarga. Tidak lupa kepada penaja KPM dan UTeM serta rakan-rakan di FPTT, Unit Cuti Belajar dan sesiapa yang mengenali. Salam Syawal dan Kemaafan dari kami di bumi matahari terbit Nagoya, Japan.


Salam
Perantauan
daripada
staf
yang
sedang
cuti belajar



Mohd Farid Ismail
MSc Energy System and
Thermal Processes,
Cranfield Universiti,
England



"Saya Mohd Farid Ismail
staf Jabatan Teknologi
Kejuruteraan Mekanikal, Fakulti
Teknologi Kejuruteraan UTeM
beserta keluarga mengucapkan
"Taghaballahu minkum wa minna"
kepada semua muslimin muslimat
yang telah menjalankan ibadah di
bulan Ramadhan yang mulia. Juga
diucapkan Selamat Hari Raya, Maaf
Zahir Batin untuk semua warga
UTeM terutama staf-staf di FTK"



Saya dan keluarga ingin
mengucapkan selamat berpuasa
dan selamat menyambut Hari Raya
Aidilfitri 1435 H kepada semua
staf dan rakan-rakan UTeM
khususnya di Fakulti Kejuruteraan
Mekanikal (FKM) dan Bahagian Cuti
Belajar, Pejabat Pendaftar. Kami
juga ingin mengambil kesempatan
ini untuk memohon ribuan
kemaafan seandainya ada salah dan
silap selama ini. Doakan kejayaan
dan kesejahteraan kami di sini.
Maaf Zahir & Batin

Shafizal bin Mat
Loughborough University,
United Kingdom



Di kejauhan ini kami sekeluarga dari Liverpool, UK ingin mengucapkan selamat berpuasa dan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh staf UTeM. Kami mendoakan mudah-mudahan segala amal yang dilakukan mendapat keredhaan serta keampunanNya.

Sepuluh jari kami susun, maaf zahir dan batin.

Selamat berpuasa kepada seluruh warga UTeM tidak kira dimana jua anda berada. Semoga di bulan yang mulia ini kita dapat meningkatkan amal kita dan merapatkan diri pada maha pencipta. Saya juga ingin mengambil peluang di sini mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua terutama warga FKP dan menyusun jari-jemari memohon maaf sekiranya terdapat kekurangan selama ini. Doakan kejayaan saya disini. Moga UTeM terus maju ke hadapan.

Engr. Mohammad Kamil Sued
University of Canterbury, NZ



Ir. Mohd Rayme Anang Masuri
Jurutera Kanan
Pejabat Pembangunan
di Liverpool John Moores University
United Kingdom



"Saya Mohd Farid Ismail
staf Jabatan Teknologi
Kejuruteraan Mekanikal, Fakulti
Teknologi Kejuruteraan UTeM
beserta keluarga mengucapkan
"Taghaballahu minkum wa minna"
kepada semua muslimin muslimat
yang telah menjalankan ibadah di
bulan Ramadhan yang mulia. Juga
diucapkan Selamat Hari Raya, Maaf
Zahir Batin untuk semua warga
UTeM terutama staf-staf di FTK"



"Saya dan keluarga ingin
mengucapkan selamat berpuasa
dan selamat menyambut Hari Raya
Aidilfitri 1435 H kepada semua
staf dan rakan-rakan UTeM
khususnya di Fakulti Kejuruteraan
Mekanikal (FKM) dan Bahagian Cuti
Belajar, Pejabat Pendaftar. Kami
juga ingin mengambil kesempatan
ini untuk memohon ribuan
kemaafan seandainya ada salah dan
silap selama ini. Doakan kejayaan
dan kesejahteraan kami di sini.
Maaf Zahir & Batin

Saya dan keluarga ingin
mengucapkan selamat berpuasa
dan selamat menyambut Hari Raya
Aidilfitri 1435 H kepada semua
staf dan rakan-rakan UTeM
khususnya di Fakulti Kejuruteraan
Mekanikal (FKM) dan Bahagian Cuti
Belajar, Pejabat Pendaftar. Kami
juga ingin mengambil kesempatan
ini untuk memohon ribuan
kemaafan seandainya ada salah dan
silap selama ini. Doakan kejayaan
dan kesejahteraan kami di sini.
Maaf Zahir & Batin

Saya dan keluarga ingin
mengucapkan selamat berpuasa
dan selamat menyambut Hari Raya
Aidilfitri 1435 H kepada semua
staf dan rakan-rakan UTeM
khususnya di Fakulti Kejuruteraan
Mekanikal (FKM) dan Bahagian Cuti
Belajar, Pejabat Pendaftar. Kami
juga ingin mengambil kesempatan
ini untuk memohon ribuan
kemaafan seandainya ada salah dan
silap selama ini. Doakan kejayaan
dan kesejahteraan kami di sini.
Maaf Zahir & Batin

Saya dan keluarga ingin
mengucapkan selamat berpuasa
dan selamat menyambut Hari Raya
Aidilfitri 1435 H kepada semua
staf dan rakan-rakan UTeM
khususnya di Fakulti Kejuruteraan
Mekanikal (FKM) dan Bahagian Cuti
Belajar, Pejabat Pendaftar. Kami
juga ingin mengambil kesempatan
ini untuk memohon ribuan
kemaafan seandainya ada salah dan
silap selama ini. Doakan kejayaan
dan kesejahteraan kami di sini.
Maaf Zahir & Batin

Saya dan keluarga ingin
mengucapkan selamat berpuasa
dan selamat menyambut Hari Raya
Aidilfitri 1435 H kepada semua
staf dan rakan-rakan UTeM
khususnya di Fakulti Kejuruteraan
Mekanikal (FKM) dan Bahagian Cuti
Belajar, Pejabat Pendaftar. Kami
juga ingin mengambil kesempatan
ini untuk memohon ribuan
kemaafan seandainya ada salah dan
silap selama ini. Doakan kejayaan
dan kesejahteraan kami di sini.
Maaf Zahir & Batin

Saya dan keluarga ingin
mengucapkan selamat berpuasa
dan selamat menyambut Hari Raya
Aidilfitri 1435 H kepada semua
staf dan rakan-rakan UTeM
khususnya di Fakulti Kejuruteraan
Mekanikal (FKM) dan Bahagian Cuti
Belajar, Pejabat Pendaftar. Kami
juga ingin mengambil kesempatan
ini untuk memohon ribuan
kemaafan seandainya ada salah dan
silap selama ini. Doakan kejayaan
dan kesejahteraan kami di sini.
Maaf Zahir & Batin

Saya dan keluarga ingin
mengucapkan selamat berpuasa
dan selamat menyambut Hari Raya
Aidilfitri 1435 H kepada semua
staf dan rakan-rakan UTeM
khususnya di Fakulti Kejuruteraan
Mekanikal (FKM) dan Bahagian Cuti
Belajar, Pejabat Pendaftar. Kami
juga ingin mengambil kesempatan
ini untuk memohon ribuan
kemaafan seandainya ada salah dan
silap selama ini. Doakan kejayaan
dan kesejahteraan kami di sini.
Maaf Zahir & Batin

Saya dan keluarga ingin
mengucapkan selamat berpuasa
dan selamat menyambut Hari Raya
Aidilfitri 1435 H kepada semua
staf dan rakan-rakan UTeM
khususnya di Fakulti Kejuruteraan
Mekanikal (FKM) dan Bahagian Cuti
Belajar, Pejabat Pendaftar. Kami
juga ingin mengambil kesempatan
ini untuk memohon ribuan
kemaafan seandainya ada salah dan
silap selama ini. Doakan kejayaan
dan kesejahteraan kami di sini.
Maaf Zahir & Batin

Saya dan keluarga ingin
mengucapkan selamat berpuasa
dan selamat menyambut Hari Raya
Aidilfitri 1435 H kepada semua
staf dan rakan-rakan UTeM
khususnya di Fakulti Kejuruteraan
Mekanikal (FKM) dan Bahagian Cuti
Belajar, Pejabat Pendaftar. Kami
juga ingin mengambil kesempatan
ini untuk memohon ribuan
kemaafan seandainya ada salah dan
silap selama ini. Doakan kejayaan
dan kesejahteraan kami di sini.
Maaf Zahir & Batin

Saya dan keluarga ingin
mengucapkan selamat berpuasa
dan selamat menyambut Hari Raya
Aidilfitri 1435 H kepada semua
staf dan rakan-rakan UTeM
khususnya di Fakulti Kejuruteraan
Mekanikal (FKM) dan Bahagian Cuti
Belajar, Pejabat Pendaftar. Kami
juga ingin mengambil kesempatan
ini untuk memohon ribuan
kemaafan seandainya ada salah dan
silap selama ini. Doakan kejayaan
dan kesejahteraan kami di sini.
Maaf Zahir & Batin

Saya dan keluarga ingin
mengucapkan selamat berpuasa
dan selamat menyambut Hari Raya
Aidilfitri 1435 H kepada semua
staf dan rakan-rakan UTeM
khususnya di Fakulti Kejuruteraan
Mekanikal (FKM) dan Bahagian Cuti
Belajar, Pejabat Pendaftar. Kami
juga ingin mengambil kesempatan
ini untuk memohon ribuan
kemaafan seandainya ada salah dan
silap selama ini. Doakan kejayaan
dan kesejahteraan kami di sini.
Maaf Zahir & Batin

Saya dan keluarga ingin
mengucapkan selamat berpuasa
dan selamat menyambut Hari Raya
Aidilfitri 1435 H kepada semua
staf dan rakan-rakan UTeM
khususnya di Fakulti Kejuruteraan
Mekanikal (FKM) dan Bahagian Cuti
Belajar, Pejabat Pendaftar. Kami
juga ingin mengambil kesempatan
ini untuk memohon ribuan
kemaafan seandainya ada salah dan
silap selama ini. Doakan kejayaan
dan kesejahteraan kami di sini.
Maaf Zahir & Batin

Saya dan keluarga ingin
mengucapkan selamat berpuasa
dan selamat menyambut Hari Raya
Aidilfitri 1435 H kepada semua
staf dan rakan-rakan UTeM
khususnya di Fakulti Kejuruteraan
Mekanikal (FKM) dan Bahagian Cuti
Belajar, Pejabat Pendaftar. Kami
juga ingin mengambil kesempatan
ini untuk memohon ribuan
kemaafan seandainya ada salah dan
silap selama ini. Doakan kejayaan
dan kesejahteraan kami di sini.
Maaf Zahir & Batin

IFTAR PEJABAT PENDAFTAR

4 Julai 2014

Pejabat Pendaftar
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
Hang Tuah Jaya
76100 Durian Tunggal Melaka

Tel. : 06-555 2000
Faks : 06-331 6114
email : pendaftar@utem.edu.my